

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, July 18, 2017 2:44 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IAYC2017 Platform Mahasiswa Perakaunan Mantapkan Ilmu Dan Kemahiran



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2017 / 24 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Gambar oleh: Dr. Muhammad Rosni Amir Hussin

IAYC2017 PLATFORM MAHASISWA PERAKAUNAN MANTAPKAN ILMU DAN KEMAHIRAN



UUM ONLINE: Kelab Perakaunan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (NOVAC-TISSA) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Pelajar Kolej Perniagaan (PPA-COB) dan TISSA-UUM telah menganjurkan 2nd International Accounting Youth Camp 2017 (IAYC2017) di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 13 hingga 16 Julai lalu.

IAYC merupakan program tahunan NOVAC-TISSA dan merupakan edisi kedua selepas National Accounting Youth Camp 2016 (NAYC2016) yang telah dijalankan pada tahun 2016.

Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memberi ruang kepada pelajar perakaunan tempatan dan luar negara untuk bersama-sama berkongsi pengalaman bagi memantapkan ilmu dan kemahiran diri sebelum melangkah ke dunia pekerjaan.

Antara pengisian di dalam program ini ialah siri ceramah dan forum daripada badan professional perakaunan dan syarikat besar perakaunan di dunia.

Di samping itu, para peserta juga berpeluang untuk menyertai pelbagai pertandingan dan pengisian yang telah dirancang seperti *Jantzen: Out of Inferno*, *Dash-UUM*, *i-Fortune*, *Audit Game: The Hidden Truth*, *Cash Flow Game* dan *CIMA: Risk and Business Strategy Challenge*.

IAYC2017 berjaya menarik 150 penyertaan pelajar perakaunan daripada 17 institusi yang terdiri daripada universiti tempatan, politeknik dan universiti luar negara.

Selain pelajar UUM peserta juga terdiri daripada pelajar perakaunan Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Curtin University Malaysia, Universiti Selangor (UNISEL), AIMST University, Tunku Abdul Rahman University College (TARC), INTEC College, Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Kota Kinabalu dan 29 penyertaan daripada pelajar perakaunan Hadyai University, Thailand.

Timbalan Dekan PPA-COB, Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah Othman yang mewakili Dekan PPA-COB ketika berucap merasmikan IAYC2017, berharap para peserta dapat menggunakan ruang dan peluang yang ada semasa IAYC2017 untuk memahami dunia professional perakaunan di samping memperkembangkan diri untuk menghadapi cabaran dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Perasmian ini juga telah dihadiri oleh Ketua Jabatan Perakaunan dan Pencukaian, Prof. Madya Dr Natrah Saad, yang mewakili Dekan TISSA-UUM.

Program ini mendapat 32 penajaan daripada pelbagai institusi seperti SUNWAY TES (platinum sponsor), The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)(gold sponsor), UHY LOH Chartered Accountants(gold sponsor), CPA Australia (silver sponsor) dan TelentCorp (Career partner).

Pelbagai institusi lain juga telah memberi pelbagai bentuk sumbangan dalam bentuk kewangan, barangan atau pengisian bagi menjayakan IAYC2017 seperti Malaysian Institute of Accountants (MIA), Jantzen, Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) dan Great Eastern.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.